

# KEBERKESANAN METODOLOGI DAKWAH JEMAAH TABLIGH DI MASJID JAME' BANDAR BARU, SRI PETALING

Syarul Azman Shaharuddin  
Marlon Pontino Guleng @Muhammad Yusuf Marlon Abdullah  
Akademi Islam  
KUIS

## ABSTRAK

*Jemaah Tabligh Masjid Jame'Bandar Baru, Sri Petaling telah melaksanakan usaha dakwah dengan metodenya tersendiri. Antara tujuan gerakan ini untuk merealisasikan amalan-amalan Islam di dalam kehidupan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah sepertimana yang mereka fahami. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap keberkesanan metodologi dakwah Jemaah Tabligh di Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling dari aspek akidah, syariat dan akhlak. Metodologi kajian adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan terhadap 130 responden di Masjid Jame'Bandar Baru, Sri Petaling. Soal selidik telah diedarkan menggunakan persampelan rawak mudah. Data yang diperolehi diproses dan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Sciences versi 16. Dapatan kajian berkaitan keberkesanan metodologi dakwah yang dipraktikkan oleh Jemaah Tabligh Masjid Jame'Bandar Baru, Sri Petaling dari aspek akidah, syariat dan akhlak sangat berkesan ke atas responden.*

**Kata Kunci:** Jemaah Tabligh, Akidah, Syariat, Akhlak, Masjid Jame' Bandar Baru

## PENDAHULUAN

Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling telah didaftarkan secara rasmi di bawah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan: No. daftar- JAWI/5/031 bertarikh 12 Julai 1999. Ahli jawatankuasa Kariah Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling yang ada sekarang mula dilantik dengan rasmi melalui surat JAWI/5/413/Jld 3 Sj 1 bertarikh 11hb September 1998 berkuatkuasa 1hb Oktober 1998 hingga 11hb September 2000. Seterusnya jawatankuasa ini diberi kepercayaan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk sesi 2000 hingga 2002 dan sesi berikutnya 2003 hingga Januari 2005 (Zaid bin Hj. Abdullah 2003).

Penubuhan Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling merupakan markas kepada seluruh Jemaah Tabligh di Malaysia dan negara-negara luar. Masjid ini boleh memuatkan lebih kurang seramai sepuluh ribu orang jemaah dalam satu-satu masa. Dalam masjid ini terdapat bahagian-bahagian tertentu yang berupa bilik-bilik khusus. Bilik-bilik tersebut ialah bilik Khidmat Jemaah, Bilik I Tempatan dan Luar Negara (*foreigner*), bilik Mesyuarat, bilik *tasykil*, Kaunter Luar Negara (*foreigner counter*) dan Tempatan (*local counter*). Setiap bilik-bilik ini mempunyai fungsi-fungsinya tersendiri (Ahmad Shamsuddin 2003).

Menurut Ustaz Muhammad Razif, bilik Khidmat Jemaah adalah bilik khusus untuk ahli-ahli yang datang untuk memberikan khidmat di Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling sama ada dari *ta'lim* hinggalah kepada kepada tukang sapu. Bagi tujuan ini, *syura* Malaysia Jemaah Tabligh mensyaratkan seluruh markas Jemaah Tabligh di Malaysia menghantar wakil masing-masing mengikut jumlah dan tempoh masa yang telah ditetapkan (Muhammad Razif bin Abd Wahab 2003).

## OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif kajian yang hendak dicapai oleh kajian ini, iaitu:

- i. Menenalpasti tahap keberkesanan metodologi dakwah yang dipraktikkan oleh Jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling selepas responden menghadiri program.
- ii. Menganalisis keberkesanan metodologi dakwah yang dipraktikkan oleh Jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling dari aspek akidah, syariat dan akhlak.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kuantitatif. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap keberkesanan metodologi dakwah Jemaah Tabligh di Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling dari aspek akidah, syariat dan akhlak. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 130 orang yang terdiri daripada ahli jemaah yang mengikuti program yang diadakan di Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik. Bagi mendapatkan data, satu set soal selidik telah disediakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan demografi responden dan keberkesanan metodologi dakwah Jemaah Tabligh di Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling dari aspek akidah, syariat dan akhlak.

Untuk tujuan menganalisis data, penulis menggunakan pakej *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) versi 16. Data diolah secara deskriptif untuk menunjukkan maklumat dalam bentuk jadual dengan menggunakan min, peratusan dan *frequency*.

## DAPATAN KAJIAN KEBERKESANAN METODOLOGI DAKWAH YANG DIPRAKTIKKAN OLEH JEMAAH TABLIGH MASJID JAME' BANDAR BARU, SRI PETALING

Hasil kajian keberkesanan Metode dakwah yang dilaksanakan oleh Jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling terbahagi kepada tiga domain iaitu dari aspek akidah, syariat dan akhlak. Keberkesanan metode dakwah ini juga mewakili keberkesanan pada masa mendatang. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini responden dalam kajian ini terdiri daripada ahli jemaah yang mengikuti dan mendengar program dakwah Jemaah Tabligh. Walau bagaimanapun tidak semua responden menyertai sepenuhnya program dakwah yang dilaksanakan.

Berikut ialah keputusan keberkesanan metode dakwah yang dilaksanakan oleh Jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling mengikut frekuensi keseluruhan item keberkesanan dari konteks akidah, syariat dan akhlak.

Jadual 1: Keberkesanan metode dakwah jemaah tabligh mengikut frekuensi keseluruhan item keberkesanan

Persoalan kajian	Item	Tidak Meningkat	Tidak Pasti Meningkat	Sedikit Meningkat	Separuh Meningkat	Banyak Meningkat	Jumlah	Nilai Min	Kedudukan
Keberkesanan metode dakwah Jemaah Tabligh (selepas menghadiri dan mendengarnya)	1. Akidah	8 0.7%	16 1.4%	86 7.4%	127 11.0%	922 79.6%	1159 100%	4.66	1
	2. Syariat	54 3.2%	126 7.5%	200 11.8%	376 22.2%	934 55.3%	1690 100%	3.97	3
	3. Akhlak	9 0.4%	74 3.3%	248 11.2%	324 14.7%	1555 70.4%	2210 100%	4.51	2
JUMLAH		134 2.6%	271 5.4%	534 10.6%	772 15.3%	3348 66.2%	5059 100%	4.4	

Sumber: Soal Selidik, 2003

Berdasarkan jadual 1 di atas, bagi item perkara akidah, seramai 79.6% (922) responden menyatakan banyak meningkat bahawa metode dakwah Jemaah Tabligh sangat berkesan ke atas mereka dalam aspek perkara akidah. Seterusnya 11.0% (127) responden menyatakan separuh meningkat kerana metode yang digunakan oleh Jemaah Tabligh berkesan ke atas mereka. Manakala 7.4% (86) responden menyatakan sedikit meningkat kerana ia memberikan kesan yang sederhana kepada mereka. Selain itu 1.4% (16) responden menyatakan tidak pasti meningkat kerana mereka merasakan tidak berkesan ke atas mereka dan cuma 0.7% (8) responden sahaja menyatakan tidak meningkat kerana ia sangat tidak berkesan kepada mereka dari sudut perkara akidah. Nilai min bagi item ini ialah 4.66. Ini bermakna lebih dua per tiga (79.6%) responden menyatakan metode dakwah yang

digunakan oleh Jemaah Tabligh sangat berkesan ke atas mereka dalam aspek perkara akidah.

Dalam konteks perkara syariat pula, seramai 55.3% (934) responden menyatakan banyak meningkat bahawa metode dakwah Jemaah Tabligh sangat berkesan ke atas mereka dalam aspek perkara syariat. Seterusnya 22.2% (376) responden menyatakan separuh meningkat kerana metode yang digunakan oleh Jemaah Tabligh berkesan ke atas mereka. Sementara 11.8% (200) responden menyatakan sedikit meningkat kerana ia memberikan kesan yang sederhana kepada mereka. Seterusnya 7.5% (126) responden menyatakan tidak pasti meningkat kerana mereka merasakan tidak berkesan ke atas diri mereka dan hanya 3.2% (54) responden sahaja menyatakan tidak meningkat kerana metode dakwah yang digunakan sangat tidak memberi kesan kepada mereka dari aspek perkara syariat. Nilai min bagi item ini ialah 3.97. Ini bermakna lebih separuh (55.3%) responden menyatakan metode dakwah yang digunakan oleh Jemaah Tabligh sangat berkesan ke atas mereka dalam aspek perkara syariat.

Bagi item yang merangkumi konteks perkara akhlak pula, seramai 70.4% (1555) responden menyatakan banyak meningkat bahawa metode dakwah Jemaah Tabligh sangat berkesan ke atas mereka dalam pembentukan perkara akhlak, 14.7% (324) responden menyatakan separuh meningkat kerana metode yang digunakan oleh Jemaah Tabligh berkesan ke atas mereka. Sementara 11.2% (248) responden menyatakan sedikit meningkat kerana ia memberikan kesan yang sederhana, 3.3% (74) responden menyatakan tidak pasti meningkat kerana mereka merasakan tidak berkesan ke atas mereka dan hanya 0.4% (9) responden sahaja menyatakan tidak meningkat kerana metode dakwah ini sangat tidak memberi kesan kepada mereka. Nilai min bagi item ini ialah 4.51. Ini bermakna lebih tiga per lima (66.2%) responden menyatakan metode dakwah yang digunakan oleh Jemaah Tabligh sangat berkesan ke atas mereka dalam aspek perkara akhlak.

Berdasarkan jadual 1 di atas, dapat disimpulkan bahawa 66.2% dari keseluruhan responden menyatakan metode dakwah Jemaah Tabligh sangat berkesan kepada mereka, 15.3% menyatakan berkesan. Sementara itu 10.6% menyatakan sederhana berkesan dan 5.4% menyatakan tidak berkesan dan cuma 2.6% sahaja yang menyatakan sangat tidak berkesan. Kedudukan tahap keberkesanan program mengikut tertib dalam konteks adalah seperti berikut:

1. Perkara akidah
2. Perkara akhlak
3. Perkara syariat

Oleh itu, kedudukan di atas menjelaskan kesan terhadap perkara akidah berada pada tempat yang pertama. Manakala aspek perkara akhlak ditempat yang ke dua dan perkara syariat ditempat yang ke tiga. Ini menunjukkan keberkesanan terhadap metode dakwah Jemaah Tabligh telah memberi kesan yang tinggi kepada aspek perkara akidah.

Seterusnya penulis akan membincangkan dengan lebih lanjut berkaitan dengan keberkesanan Metode dakwah yang dilaksanakan oleh Jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling mengikut konteks-konteks tertentu.

Pertama ialah dari konteks perkara akidah. Penulis akan membincangkan keberkesanan Metode dakwah yang dilaksanakan oleh Jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling terhadap ahli jemaah yang menghadiri dan mendengar dakwah Jemaah Tabligh dari konteks ini.

#### **Keberkesanan Metode Dakwah yang Dilaksanakan oleh Jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling dari Aspek Akidah**

Jadual 2: Taburan responden mengikut peratus dan min dari aspek akidah

Pernyataan (Item)	Tidak Meningkat	Tidak Pasti Meningkat	Sedikit Meningkat	Sepuluh Meningkat	Banyak Meningkat	Jumlah	Nilai Min	Kedudukan
1. Keyakinan saya terhadap kekuasaan dan kebesaran Allah.		(1) 0.8%	11 8.5%	12 9.2%	106 81.5%	130 100.0%	4.72	5
2. Perasaan cinta dan rindu saya kepada Allah dan Rasulullah.		1 0.8%	14 10.8%	17 13.1%	98 75.4%	130 100.0%	4.63	7
3. Keyakinan saya terhadap al-Quran dan al-Hadith sebagai pedoman hidup.		2 1.5%	12 9.2%	10 7.7%	106 81.5%	130 100.0%	4.69	6
4. Keyakinan saya bahawa Rasulullah dan para sahabat sahaja yang boleh dijadikan role model/ contoh.		1 0.8%	7 5.4%	12 9.2%	110 84.6%	130 100.0%	4.78	3
5. Keyakinan saya terhadap segala seksaan dan balasan datangnya daripada Allah.			9 6.9%	14 10.8%	107 82.3%	130 100.0%	4.75	4
6. Keyakinan saya terhadap ketentuan baik dan buruk datangnya daripada Allah.		1 0.8%	2 1.5%	18 13.8%	109 83.8%	130 100.0%	4.81	2
7. Keyakinan saya kepada hari Akhirat.			4 3.1%	16 12.3%	110 84.6%	130 100.0%	4.82	1
8. Keyakinan saya bahawa hidup di dunia ini sekadar cukup dengan apa yang ada.	7 5.4%	6 4.6%	18 13.8%	23 17.7%	76 58.5%	130 100.0%	4.19	9
9. Keyakinan saya bahawa syariat Islam sesuai dilaksanakan pada masa sekarang.	1 0.8%	4 3.1%	9 6.9%	16 12.3%	100 76.9%	130 100.0%	4.62	8
<b>JUMLAH</b>	<b>8 0.7%</b>	<b>16 1.4%</b>	<b>86 7.4%</b>	<b>127 11.0%</b>	<b>922 79.6%</b>	<b>1159 100%</b>	<b>4.66</b>	

Sumber: Soal Selidik, 2003

Berikut ialah kedudukan mengikut tertib dalam konteks keberkesanan perkara akidah setelah menghadiri dan mendengar dakwah Jemaah Tabligh yang merangkumi 9 item iaitu:

1. Kebanyakan ahli jemaah yakin kepada hari akhirat.
2. Keyakinan ahli jemaah terhadap ketentuan baik dan buruk datangnya daripada Allah.
3. Keyakinan ahli jemaah bahawa Rasulullah dan para sahabat sahaja yang boleh dijadikan role model/ contoh.
4. Keyakinan ahli jemaah terhadap segala seksaan dan balasan datangnya daripada Allah.
5. Keyakinan ahli jemaah terhadap kekuasaan dan kebesaran Allah.
6. Keyakinan ahli jemaah terhadap al-Quran dan al-Hadith sebagai pedoman hidup.
7. Perasaan cinta dan rindu ahli jemaah kepada Allah dan Rasulullah.
8. Keyakinan ahli jemaah bahawa syariat Islam sesuai dilaksanakan pada masa sekarang.
9. Keyakinan ahli jemaah bahawa hidup di dunia ini sekadar cukup dengan apa yang ada.

Berdasarkan kepada keputusan di atas, hampir keseluruhan iaitu 84.6% (110) responden menyatakan sangat berkesan dalam keyakinan kepada hari Akhirat. Seterusnya 12.3% (16) responden menyatakan berkesan dan 3.1% (4) responden sahaja menyatakan sederhana berkesan. Manakala responden tidak menyatakan tidak berkesan dan sangat tidak berkesan. Nilai min bagi item ini ialah 4.82. Ini bermakna hampir keseluruhan responden menyatakan metode dakwah yang dilaksanakan oleh Jemaah Tabligh sangat berkesan dalam keyakinan kepada hari Akhirat.

Manakala bagi item yang kurang berkesan di kalangan ahli Jemaah Tabligh ialah keyakinan ahli jemaah bahawa hidup di dunia ini sekadar cukup dengan apa yang ada. Seramai 58.5% (76) responden menyatakan banyak meningkat bahawa metode dakwah Jemaah Tabligh sangat berkesan dalam keyakinan bahawa hidup di dunia ini sekadar cukup dengan apa yang ada. Seterusnya 17.7% (23) responden menyatakan berkesan dan 13.8% (18) responden sahaja menyatakan sederhana berkesan. Sementara itu 4.6% (6) responden menyatakan tidak berkesan dan 5.4% (7) responden menyatakan sangat tidak berkesan. Nilai min bagi item ini ialah 4.19. Ini bermakna kurang dari separuh responden menyatakan metode dakwah yang dilaksanakan oleh Jemaah Tabligh kurang berkesan kepada mereka dalam keyakinan bahawa hidup di dunia ini sekadar cukup dengan apa yang ada.

Secara keseluruhannya, seramai 79.6% (922) responden menyatakan metode dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru Sri Petaling sangat berkesan kepada mereka daripada aspek akidah. Seterusnya 11.0% (127) responden menyatakan berkesan dan 7.42% (86) responden menyatakan sederhana berkesan. Manakala 1.4% (16) responden menyatakan tidak berkesan dan hanya 0.7% (8) sahaja menyatakan sangat tidak berkesan.

Kesimpulannya, sekiranya kesedaran ahli Jemaah Tabligh bahawa keyakinan kepada hari akhirat itu sangat berkesan, ini sudah pasti mereka juga tidak meninggalkan urusan dunia dengan mengatakan hidup ini sekadar cukup dengan apa yang ada. Oleh yang demikian mereka juga harus berusaha untuk kehidupan di atas muka bumi ini dengan tidak melebihkan urusan dunia daripada akhirat.

Kedua ialah dari konteks perkara syariat. Penulis akan membincangkan keberkesanan Metode dakwah yang dilaksanakan oleh Jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling terhadap ahli jemaah yang menghadiri dan mendengar program dari konteks ini.

**Keberkesanan Metode Dakwah yang Dilaksanakan oleh Jemaah Tabligh Masjid  
Jame'Bandar Baru, Sri Petaling dari Aspek Syariat**

Jadual 3: Taburan responden mengikut peratus dan min dari aspek syariat

Pernyataan (Item)	Tidak Meningkat	Tidak Pasti Meningkat	Sedikit Meningkat	Separuh Meningkat	Banyak Meningkat	Jumlah	Nilai Min	Kedudukan
10. Tanggungjawab saya melaksanakan solat lima waktu sehari semalam.		1 0.8%	5 3.8%	9 6.9%	115 88.5%	130 100.0%	4.83	1
11. Usaha saya solat dengan khusyu'.	2 1.5%	13 10.0%	12 9.2%	25 19.2%	78 60.0%	130 100.0%	4.26	7
12. Kekerapan saya melaksanakan ibadat Qiamullail.	1 .8%	9 6.9%	30 23.1%	35 26.9%	55 42.3%	130 100.0%	4.03	9
13. Usaha saya mempelajari al-Quran dan al-hadith.	1 .8%	3 2.3%	22 16.9%	30 23.1%	74 56.9%	130 100.0%	4.33	6
14. Kekerapan saya berzikir, bertahlil dan bertasbih secara berjemaah.	6 4.6%	21 16.2%	22 16.9%	31 23.8%	50 38.5%	130 100.0%	3.75	10
15. Usaha saya bersedekah/ menderma untuk kebajikan.		10 7.7%	21 16.2%	35 26.9%	64 49.2%	130 100.0%	4.18	8
16. Rasa tanggungjawab saya untuk mengeluarkan zakat.	1 .8%	9 6.9%	10 7.7%	21 16.2%	89 68.5%	130 100.0%	4.45	5
17. Rasa tanggungjawab saya untuk menunaikan haji.	1 .8%	10 7.7%	7 5.4%	23 17.7%	89 68.5%	130 100.0%	4.45	4
18. Penglibatan saya dalam	6 4.6%	26 20.0%	22 16.9%	34 26.2%	42 32.3%	130 100.0%	3.62	11

memajukan ekonomi di dunia ini.								
19. Kefahaman saya bahawa urusan politik di Malaysia perlu diambil tahu.	18 13.8%	6 4.6%	17 13.1%	48 36.9%	41 31.5%	130 100.0%	2.32	12
20. Kesedaran saya untuk terus menambah ilmu.			6 4.6%	34 26.2%	90 69.2%	130 100.0%	4.65	2
21. Tanggungjawab saya terhadap pendidikan anak-anak.	1 .8%	6 4.6%	7 5.4%	26 20.0%	90 69.2%	130 100.0%	4.52	3
22. Kefahaman saya bahawa orang Islam itu perlu kepada kemajuan dan kejayaan di dunia ini.	17 13.1%	12 9.2%	19 14.6%	25 19.2%	57 43.8%	130 100.0%	2.28	13
JUMLAH	54 3.2%	126 7.5%	200 11.8%	376 22.2%	934 55.3%	1690 100%		3.97

Sumber: Soal Selidik, 2003

Berikut ialah kedudukan mengikut tertib dalam konteks keberkesanan perkara syariat setelah menghadiri dan mendengar dakwah Jemaah Tabligh yang merangkumi 13 item iaitu:

1. Tanggungjawab saya melaksanakan solat lima waktu sehari semalam.
2. Kesedaran saya untuk terus menambah ilmu.
3. Tanggungjawab saya terhadap pendidikan anak-anak.
4. Rasa tanggungjawab saya untuk menunaikan haji.
5. Rasa tanggungjawab saya untuk mengeluarkan zakat.
6. Usaha saya mempelajari al-Quran dan al-hadith.
7. Usaha saya solat dengan *khusyu'*.
8. Usaha saya bersedekah/ menderma untuk kebajikan.
9. Ke kerapannya saya melaksanakan ibadat Qiamullail.
10. Ke kerapannya saya berzikir, bertahlil dan bertasbeeh secara berjemaah.
11. Penglibatannya saya dalam memajukan ekonomi di dunia ini.
12. Kefahaman saya bahawa urusan politik di Malaysia perlu diambil tahu.
13. Kefahaman saya bahawa orang Islam itu perlu kepada kemajuan dan kejayaan di dunia ini.



Berdasarkan kepada jadual di atas, seramai 88.5% (115) responden menyatakan tanggungjawab melaksanakan solat lima waktu sehari semalam sangat berkesan. Seramai 6.9% (9) responden menyatakan berkesan dan 3.8% (5) responden sahaja menyatakan sederhana berkesan. Sementara 0.8% (1) responden sahaja yang menyatakan tidak berkesan dan tidak ada seorang yang menyatakan sangat tidak berkesan. Nilai min bagi item ini ialah 4.83. Ini bermakna lebih empat per lima 88.5% dari responden menyatakan sangat berkesan kerana tanggungjawab melaksanakan solat lima waktu sehari semalam di kalangan mereka banyak meningkat.

Bagi item yang berkaitan dengan kefahaman bahawa orang Islam itu perlu kepada kemajuan dan kejayaan di dunia ini, Seramai 43.8% (57) responden menyatakan banyak meningkat bahawa metode dakwah Jemaah Tabligh sangat berkesan dalam memberi kefahaman bahawa orang Islam itu perlu kepada kemajuan dan kejayaan di dunia ini. Seterusnya 19.2% (25) responden menyatakan berkesan dan 14.6% (19) responden sahaja menyatakan sederhana berkesan. Manakala 9.2% (12) responden menyatakan tidak berkesan dan 13.1% (17) responden menyatakan sangat tidak berkesan. Nilai min bagi item ini ialah 2.28. Ini bermakna hampir satu per enam 13.1% responden menyatakan metode dakwah yang dilaksanakan oleh Jemaah Tabligh sangat tidak berkesan kepada mereka terhadap kefahaman bahawa orang Islam itu perlu kepada kemajuan dan kejayaan di dunia ini.

Secara keseluruhannya, seramai 55.3% (934) responden menyatakan metode dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling sangat berkesan kepada mereka daripada aspek syariat. Seterusnya 22.2% (376) responden menyatakan berkesan dan 11.83% (200) responden menyatakan sederhana berkesan. Manakala 7.5% (126) responden menyatakan tidak berkesan dan hanya 3.2% (54) sahaja menyatakan sangat tidak berkesan.

#### **Keberkesanan Metode Dakwah yang Dilaksanakan oleh Jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling dari Aspek Akhlak**

Jadual 4: Taburan responden mengikut peratus dan min dari aspek akhlak

Pernyataan (Item)	Tidak Meningkat	Tidak Pasti Meningkat	Sedikit Meningkat	Separuh Meningkat	Banyak Meningkat	Jumlah	Nilai Min	Kedu
23. Perasaan saya untuk memuliakan sesama manusia.		2 1.5%	7 5.4%	21 16.2%	100 76.9%	130 100.0%	4.68	
24. Kesedaran saya untuk menjadi orang yang lebih bertanggungjawab dan penyabar.		1 0.8%	16 12.3%	14 10.8%	99 76.2%	130 100.0%	4.62	
25. Kesedaran saya untuk menjadi orang yang lebih amanah, ikhlas dan jujur.			11 8.5%	18 13.8%	101 77.7%	130 100.0%	4.69	
26. Kesedaran saya terhadap hak dan tanggungjawab			17 13.1%	15 11.5%	98 75.4%	130 100.0%	4.62	

berjiran.								
27. Kesedaran saya untuk menjadi orang yang lebih menjaga kekemasan dan kebersihan diri.		3 2.3%	13 10.0%	29 22.3%	85 65.4%	130 100.0%	4.51	1
28. Tanggungjawab saya untuk melaksanakan amar makruf.		1 0.8%	17 13.1%	9 6.9%	103 79.2%	130 100.0%	4.65	0
29. Tanggungjawab saya untuk melaksanakan nahi mungkar		4 3.1%	20 15.4%	15 11.5%	91 70.0%	130 100.0%	4.48	1
30. Usaha saya menziarahi orang sakit/meninggal dunia.		4 3.1%	21 16.2%	27 20.8%	78 60.0%	130 100.0%	4.38	1
31. Perasaan hormat dan rasa tanggungjawab saya terhadap ibubapa.		1 0.8%	11 8.5%	17 13.1%	101 77.7%	130 100.0%	4.68	4
32. Perasaan sayang dan hormat menghormati saya terhadap umat Islam.		1 0.8%	2 1.5%	27 20.8%	100 76.9%	130 100.0%	4.74	1
33. Kesedaran saya untuk menjadi orang yang lebih berdisplin dan komited.		1 0.8%	16 12.3%	18 13.8%	95 73.1%	130 100.0%	4.59	1
34. Sikap saya untuk memuliakan alim ulamak dan golongan intelektual.		2 1.5%	7 5.4%	16 12.3%	105 80.8%	130 100.0%	4.72	1
35. Rasa tanggungjawab saya untuk berdakwah	3 2.3%	6 4.6%	22 16.9%	21 16.2%	78 60.0%	130 100.0%	4.27	1

kepada non Muslim.								
36. Tanggungjawab saya untuk berusaha mencari nafkah hidup.		8 6.2%	17 13.1%	22 16.9%	83 63.8%	130 100.0%	4.38	1
37. Kesedaran saya untuk meninggalkan perbuatan-perbuatan keji.		3 2.3%	15 11.5%	14 10.8%	98 75.4%	130 100.0%	4.59	9
38. Kesedaran saya untuk mengikut peraturan dan waktu kerja (kerja bermajikan).	4 3.1%	14 10.8%	19 14.6%	20 15.4%	73 56.2%	130 100.0%	4.11	1
39. Kesedaran saya untuk lebih tekun dan komited terhadap kerja-kerja pejabat.	2 1.5%	23 17.7%	17 13.1%	21 16.2%	67 51.5%	130 100.0%	3.98	1
JUMLAH	9 0.4%	74 3.3%	248 11.2%	324 14.7%	1555 70.4%	2210 100%		4.51

Sumber: Soal Selidik, 2003

Berikut ialah kedudukan mengikut tertib dalam konteks keberkesanan perkara akhlak setelah menghadiri dan mendengar dakwah Jemaah Tabligh yang merangkumi 17 item iaitu:

1. Perasaan sayang dan hormat menghormati saya terhadap umat Islam.
2. Sikap saya untuk memuliakan alim ulamak dan golongan intelektual.
3. Kesedaran saya untuk menjadi orang yang lebih amanah, ikhlas dan jujur.
4. Perasaan hormat dan rasa tanggungjawab saya terhadap ibubapa.
5. Perasaan saya untuk memuliakan sesama manusia.
6. Tanggungjawab saya untuk melaksanakan *'amar ma'ruf*.
7. Kesedaran saya untuk menjadi orang yang lebih bertanggungjawab dan penyabar.
8. Kesedaran saya terhadap hak dan tanggungjawab berjiran.
9. Kesedaran saya untuk meninggalkan perbuatan-perbuatan keji.
10. Kesedaran saya untuk menjadi orang yang lebih berdisiplin dan komited.
11. Kesedaran saya untuk menjadi orang yang lebih menjaga kekemasan dan kebersihan diri.
12. Tanggungjawab saya untuk melaksanakan *nahi mungkar*.
13. Tanggungjawab saya untuk berusaha mencari nafkah hidup.
14. Usaha saya menziarahi orang sakit/meninggal dunia.
15. Rasa tanggungjawab saya untuk berdakwah kepada *non muslim*.

16. Kesedaran saya untuk mengikut peraturan dan waktu kerja (kerja bermajikan).
17. Kesedaran saya untuk lebih tekun dan komited terhadap kerja-kerja pejabat.

Berdasarkan kepada jadual di atas, bagi item ke-32, seramai 76.9% (100) responden menyatakan sangat berkesan dalam menimbulkan kesedaran perasaan sayang dan hormat-menghormati terhadap umat Islam. Sementara itu 20.8% (27) responden menyatakan berkesan dan 1.5% (2) responden sahaja menyatakan sederhana berkesan. Hanya 0.8% (1) responden sahaja yang menyatakan tidak berkesan dan tidak ada seorang yang menyatakan sangat tidak berkesan. Nilai min bagi item ini ialah 4.74. Ini bermakna lebih tiga per empat 76.9% dari responden menyatakan metode dakwah Jemaah Tabligh sangat berkesan dalam mewujudkan kesedaran perasaan sayang dan hormat-menghormati terhadap umat Islam.

Manakala bagi item ke-39, seramai 51.5% (67) responden menyatakan banyak meningkat bahawa metode dakwah Jemaah Tabligh sangat berkesan dalam kesedaran untuk lebih tekun dan komited terhadap kerja-kerja pejabat. Selanjutnya 16.2% (21) responden menyatakan berkesan dan 13.1% (17) responden sahaja menyatakan sederhana berkesan. Sementara 17.7% (23) responden menyatakan tidak berkesan dan 1.5% (2) responden menyatakan sangat tidak berkesan ke atas mereka. Nilai min bagi item ini ialah 3.98. Ini bermakna lebih separuh 51.5% responden menyatakan metode dakwah yang dilaksanakan oleh Jemaah Tabligh memberi kesan kepada mereka terhadap kesedaran untuk lebih tekun dan komited terhadap kerja-kerja pejabat.

Kesimpulannya, secara keseluruhan seramai 70.4% (1555) responden menyatakan metode dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling sangat berkesan kepada mereka daripada aspek akhlak, 14.7% (324) responden menyatakan berkesan dan 11.2% (2248) responden menyatakan sederhana berkesan. Manakala 3.3% (74) responden menyatakan tidak berkesan dan hanya 0.4% (9) sahaja menyatakan sangat tidak berkesan. Ini menunjukkan kebanyakan responden menyatakan sangat berkesan dan terlalu sedikit yang menyatakan sangat tidak berkesan.

## KESIMPULAN

Usaha yang dilakukan oleh Jemaah Tabligh khususnya di Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling melalui fungsi dan aktiviti telah memberikan sumbangan yang begitu bermakna kepada usaha dakwah masyarakat muslim. Ini dikukuhkan lagi melalui metode-metode dakwah yang digunakan iaitu *khuruj*, *tasykil*, *bayan*, ziarah, *ta'lim*, musyawarah, *karguzari* dan program malam markas. Ia merupakan agenda tetap harian, mingguan dan tahunan bagi jemaah ini. Pusat pergerakan jemaah ini di masjid itu sendiri sebagai markas.

Namun begitu, program-program yang dilaksanakan oleh Jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling, mereka menggunakan metode dakwahnya melalui pendekatan yang menekankan kepada konsep tarbiah dan pendidikan sahaja. Mereka bergerak secara sukarela tanpa dibatasi oleh perbezaan agama, bahasa dan sempadan geografi.

## RUJUKAN

- Temubual, Ustaz Abdul Hamid bin Chin, Pengetua Madrasah Agama dan *Tahfiz* Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling.
- Temubual, Ustaz Muhammad Razif bin Abd Wahab, Tenaga pengajar Madrasah Agama dan *Tahfiz* Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling.
- Temubual, Ustaz Abdul Rauf bin Ismail, Tenaga pengajar Madrasah Agama dan *Tahfiz* Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling.

Temubual, Ahmad Shamsuddin, Setiausaha Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling.

Temubual, Hj. Zaid bin Hj. Abdullah, Pengerusi Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling.

Temubual, Ustaz Mahdi Al-Hilmy Arshad, Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Kariah JAWI.

Temubual, Hj. Abd. Wahab bin Saad, Ahli Jawatankuasa Pentadbiran Seranta dan Silaturrahim, Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling.

Temubual, Hj. Abd. Rahman bin Othman, Ahli Jawatankuasa Pentadbiran Perayaan dan Sambutan, Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling.

Temubual, Hj. Osman bin Sipol, Ahli Jawatankuasa Pentadbiran Pelajaran dan Dakwah, Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling.

Temubual, Hj. Annuar bin Mahmud, Timbalan Pengerusi Pentadbiran, Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling.

Temubual, Hj. Mohd Khalid, Ahli Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling.

Temubual, Ustaz Mansur bin Ismail, Tenaga pengajar Madrasah Agama dan *Tahfiz* Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling.

Temubual, Ustaz Amer bin Hamzah, Tenaga pengajar Madrasah Agama dan *Tahfiz* Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling.

Temubual, Hj. Jamaluddin bin Yahya, Bendahari Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling.

Temubual, Mohd Yusof bin Shaharuddin, seorang ahli jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru Sri Petaling, ketika ditemubual beliau baru balik dari *khuruj* 4 bulan di India, Bangladesh dan Pakistan.

Teuku Iskandar, Dr. (2002), *Kamus Dewan*, Cetakan Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.